

Kolokium Bincangkan Hala Tuju Pendidikan Pondok Dan Tahfiz

Unit Komunikasi Korporat

Tue 11/7/2017 3:09 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



7 NOVEMBER 2017 / 18 SAFAR 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar: Muhammad Shamsul Shafie

KOLOKIUUM BINCANGKAN HALA TUJU PENDIDIKAN PONDOK DAN TAHFIZ



UUM ONLINE: Dalam mendepani cabaran pembangunan pendidikan pondok dan tahfiz, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), UUM telah menganjurkan Kolokium Transformasi Pendidikan Pondok dan Tahfiz Dalam Menangani Cabaran Nilai dan Industri di Pusat Islam, hari ini.

Perasmian disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Agama, Kerja Raya, Pelancongan dan Warisan, Dato' Mohd Rawi Abd Hamid dan disertai panelis terdiri daripada Dato' Mashitah Ibrahim, Pengerusi Eksekutif Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia; Mohd Zahid Mahmud, Presiden PINTA merangkap Pengetua Darul Quran Ittifaqiyah dan Al-Hami Husain Suhaimi, Mudir Maahad Tahfiz Sains Darul Muttaqin (MASDAR) bersama moderator, Prof Dr Shukri Ahmad, Pengerusi Unit Penyelidikan SLCP.

Dato' Mohd Rawi dalam ucapan beliau berkata, institusi pondok dan tahfiz kini tumbuh bagaikan cendawan dan pembangunan institusi tersebut perlu diberikan pemantauan dan nasihat.

Katanya, kolokium ini akan membincangkan peranan pondok dan tahfiz dalam pembangunan negara, malah pelajar-pelajar akan mengikuti silibus pembelajaran seperti sekolah lain termasuk mengambil peperiksaan awam seperti SPM kelak.

"Saya berharap tenaga pengajar dapat meneruskan memberi pengajaran di sekolah-sekolah pondok ini dan juga tahfiz walaupun pelbagai cabaran dihadapi.

"Selain itu, aspek keselamatan juga perlu dilihat dan diajar kepada semua penghuni termasuk pengurusan dalam menghadapi kecemasan supaya tidak panik," katanya.

Terdahulu, peserta kolokium mengikuti sesi Teknik Hafazan Al-Quran Kaedah Deobandi bersama Mohd Dailami Che Age, wakil dari Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan (PINTA).

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.